



## **KERTAS MAKLUMAN**

---

# **PROGRAM KEM MEMBACA 1MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SABAH 2014**

---



Oleh:

**Unit Perkhidmatan Sumber Pendidikan,**  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah  
Lorong Sahabat, Off Jalan Penampang Lama,  
89500 Penampang,  
Sabah.

## 1. PENDAHULUAN

Kem Membaca 1Malaysia 2014 merupakan salah satu program Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Program Gerakan Tabiat Membaca bertujuan membina tabiat membaca dalam kalangan murid sekolah dan pembelajaran sepanjang hayat..Program Kem Membaca 1 Malaysia telah dimulakan kali pertama pada 2009 sehingga kini. Semua sekolah diarahkan untuk mengambil bahagian dalam melaksanakan program ini.

KM1M Tahun 2014 akan dilaksanakan bermula dari **04 hingga 06 November 2014** Pada Tahun ini Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menetapkan supaya semua sekolah di negeri Sabah menjalankan aktiviti membaca buku selama **2014 saat atau 33minit : 34saat pada 04 November 2014** serentak dengan majlis pelancaran peringkat negeri yang akan diadakan di **Daerah Sandakan**.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling ikhtias bil 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998 telah menyatakan bahawa Program NILAM wajib dijalankan di semua sekolah di seluruh negeri. Selain itu, usaha ke arah merencanakan aktiviti galakan membaca wajar digerakkan untuk menyokong hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menarik minat murid lebih banyak membaca.

2.2 Program NILAM merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membina tabiat membaca dalam kalangan murid dengan hasrat mewujudkan budaya membaca dan budaya ilmu dalam kalangan rakyat Malaysia. Sekolah perlu mengadakan aktiviti-aktiviti galakan membaca secara berperingkat dan berterusan meliputi aktiviti asas, aktiviti pemupukan dan aktiviti pengayaan. Justeru itu , satu strategi yang berkesan perlu dilaksanakan untuk memperhebatkan lagi pencapaian Program NILAM ke tahap yang lebih baik dan menyeluruh.

2.3 Berdasarkan analisis pelaksanaan Program NILAM terkini, kadar bacaan murid sekolah dalam landasan yang baik untuk mencapai sasaran.Kadar bacaan murid sekolah rendah ialah 16 buah bagi setiap orang murid manakala kadar bacaan murid sekolah menengah ialah 8 buah buku bagi setiap orang murid . Namun begitu program galakan membaca perlu diperhebat dan diteruskan dalam usaha melahirkan rakyat Malaysia yang progresif dan dinamik.

2.4 Ruang dan peluang perlu diberi kepada semua murid tanpa mengira latar keturunan mahupun taraf sosioekonomi agar anak-anak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti memandangkan ilmu menjadi prasyarat dalam pembinaan tamadun.

### 3. OBJEKTIF

- 3.1 Mengisi masa lapang murid selepas peperiksaan
- 3.2 Menggerakkan program / aktiviti galakan membaca
- 3.3 Memupuk minat membaca secara berterusan (khususnya semasa waktu cuti dan juga sepanjang hayat )
- 3.4 Menjadikan PSS sebagai tempat rujukan bahan bacaan dan memperkukuhkan kemahiran maklumat dalam kalangan murid.

### 4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Kem Membaca 1Malaysia 2014 akan diadakan di seluruh negara bermula pada **04 hingga 06 November 2014.**
- 4.2 Majlis Pelancaran di peringkat kebangsaan akan diadakan **pada 04 November 2014 ( jam 10.00 pagi)** dan akan dilaksanakan seraca serentak di semua sekolah di Seluruh Negara selama 2014 saat.
- 4.3 Program satu minggu ini dilaksanakan bersama BPSH, JPN, BTPN, PTPB, PKG dan sekolah dengan kerjasama rakan perkongsian pintar (agensi luar) seperti PNM, IPTA/IPTS, RHB, The Asian Foundation, Scholastic (M), MABOPA dll.
- 4.4 Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dan boleh dilaksanakan di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah semasa Kem Membaca 1Malaysia & Read 2014 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Aktiviti
4/11/14 (Selasa)	8.30-1.00 ptg	Perasmian KM1M
	2.00 - 4.00 ptg	Kem Penulis Muda
5/11/14 (Rabu)	8.30am- 4.00ptg	Kem Penulis Muda
	8.30 - 10.30 pg	Spell Aa Bee C
	10.30 -12.00 t/hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ceritalah lagi</li> <li>➤ Klinik membaca</li> </ul>
6/11/14 (Khamis)	8.30-10.30 pg	Pertandingan Bercerita BM & BI
	11.00-1.00 t/hari	Majlis Penutup dan penyampaian hadiah

\* Pihak sekolah boleh melaksanakan aktiviti galakan membaca yang difikirkan sesuai selain yang dicadangkan

5. **LAPORAN PELAKSANAAN**

- 5.1 Laporan pelaksanaan KM1M di peringkat sekolah hendaklah dihantar ke Bahagian Teknologi Pendidikan melalui Pusat Kegiatan Guru Daerah masing-masing.
- 5.2 Format pelaporan hendaklah seperti pada Lampiran E .
- 5.3 Laporan pelaksanaan KM1M peringkat sekolah hendaklah dihantar ke PKG Daerah masing-masing sebelum atau pada **14 NOVEMBER 2014 ( Jumaat )**.

5. **PENUTUP**

Diharapkan program ini akan dapat memberi nilai tambah kepada pelaksanaan aktiviti Galakan Membaca disamping Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dengan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua Negara. Disamping itu, generasi masa kini dapat diterapkan dengan nilai cintakan ilmu dan budaya membaca, merapatkan hubungan harmoni antara masyarakat serta melahirkan masyarakat cerdas dan berilmu sebagai tunjang utama kecemerlangan Negara.

**LAMPIRAN A**

**JAWATANKUASA INDUK KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2014  
PERINGKAT NEGERI SABAH**

Penaung	: Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Penasihat	: Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan
Pengerusi	: Pengarah Pendidikan Sabah
Timb. Pengerusi	: Timb. Pengarah Pendidikan Sabah
Setiausaha	: Ketua Penolong Pengarah BTPN Sabah
Pen. Setiausaha	: Ketua Unit Perkhidmatan Sumber Pendidikan, BTPN Sabah
Bendahari	: Unit Perkhidmatan, Pentadbiran dan Kewangan BTPN Sabah
AJK	: -Semua Ketua Sektor Jabatan Pendidikan Negeri Sabah -Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Sabah - Semua Pengetua / Guru Besar - Semua Pegawai Teknologi Pendidikan

**LAMPIRAN B**

**JAWATANKUASA KERJA PENGELOLA MAJLIS PELANCARAN KM1M  
PERINGKAT SEKOLAH TAHUN 2014**

Penasihat I	: Pegawai Pendidikan Daerah
Penasihat II	: Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah
Pengerusi	: Pengetua / Guru Besar
Timb. Pengerusi I	: Penolong Kanan Pentadbiran
Timb. Pengerusi II	: Penolong Kanan HEM
Timb. Pengerusi III	: Penolong Kanan Ko-Kurikulum
Setiausaha	: Guru Perpustakaan Dan Media
Pen. Setiausaha	: Guru Penyelaras NILAM
Bendahari	:
<b>Ahli Jawatankuasa Kerja:</b>	
Urusetia Jemputan	:
Penggambaran/dokumentasi	:
Floor Manager	:
Protokol	:
TEKS UCAPAN	:
Buku aturcara	:
Sofa VIP	:
Jamuan	:
Kebersihan & Keceriaan	:
Keselamatan	:
Hiasan Pentas/backdrop	:
Sijil Penyertaan/cenderahati	:
Bacaan Doa	:

- penyambut tetamu bunga manggar :
- Sembahan Sambut Tamu :
- Persembahan :
- Gimik Pelancaran :
- PUBLISITI / PROMOSI :
- PA sistem/teknikal /Persiapan dewan/kerusi Kompang :
- Juracara Majlis Pelancaran KM1M :
- Pendaftaran :
- Pameran :
- Perasmi :

**LAMPIRAN C**

**OPERASI PELAKSANAAN AKTIVITI KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2014**

Nama Aktiviti : **KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2014**

( Membaca senyap secara serentak selama 2014 saat atau 33minit : 34 saat )

Tarikh dilaksanakan : *04 Nov 2014( serentak di seluruh Negara )*

Masa : *10.00 pagi hingga 10.33:34 pagi*

Sasaran : *Semua Warga sekolah*

Cara Pelaksanaan:

Bil	Aktiviti	Arahan	Tindakan
1.	<b><u>SEBELUM:</u></b> Menyelaras tempat aktiviti membaca	Mencari dan menetapkan tempat aktiviti Read 2014	GPM
2.	Menubuhkan AJK Kerja	Membincangkan senarai dan agihan tugas	Pengetua/Guru Besar/GPM
3.	Pergerakan ke Lokasi	Memastikan murid-murid bergerak ke lokasi membaca dalam masa yang ditetapkan	Guru Kelas/ Guru Tingkatan
4.	<b><u>SEMASA:</u></b> Semua warga sekolah pergi ke lokasi membaca	- Meminta semua murid, guru-guru dan warga seklah dengan buku masing-masing mengambil tempat	GPM
5.	Ucapan	- Memberi ucapan tujuan aktiviti READ 2014	Pengetua/ Guru Besar
6.	Arahan Lisan	- Memberi arahan tentang pelaksanaan READ 2014	GPM
7.	<b>COUNT DOWN</b>	- Membuat kiraan 5...4...3..2..1.. MULA...	Pengetua/ Guru Besar
8.	Aktiviti Membaca selama 2014 saat atau 33 minit : 34 saat	- Semua mula membaca secara senyap tepat jam 10.00 pagi	Semua Warga Sekolah
9.	Berhenti membaca/bersurai	- Berhenti membaca <b>( jam 10: 33:34 pagi )</b>	GPM
10	<b><u>SELEPAS:</u></b> Laporan Bergambar (Format seperti Lampiran E)	- menghantar laporan ke Scholastic,Kuala Lumpur dan salinan ke BTPN Sabah. - Menghantar laporan ke BTPN Sabah	GPM/Sekolah yang telah mendaftar GPM



**LAMPIRAN D**

**CADANGAN TENTATIF MAJLIS PELANCARAN KEM MEMBACA 1MALAYSIA  
PERINGKAT NEGERI SABAH 2014**

Tarikh : **04 November 2014**  
Hari : **Selasa**  
Tempat :

8.00 pagi	: Ketibaan AJK Bertugas
9.00 pagi	: Ketibaan pelajar/guru pengiring sekolah Peserta : Pendaftaran Kehadiran Peserta Pelajar : Aktiviti "Sajak Berantai 1 Malaysia" : Ketibaan PPD Sandakan (Pengerusi Pengelola) : Ketibaan Pengarah Pendidikan Sabah Dan Rombongan : Koir Lagu Negaraku / Sabah Tanah Airku
10.00 pagi	: <b>MEMBACA 1MALAYSIA SERENTAK DILAKSANAKAN</b>
10.45 pagi	: Bacaan Doa
11.00 pagi	: Ucapan Pengerusi Pengelola : Ucapan Majlis Pelancaran Kem Membaca 1 Malaysia : Gimik Pelancaran : Persembahan : - Silat Tari - Bicerita 3 bahasa - Tarian Ethnik - Puisi Lagu : Penyampaian sijil Penyertaan sekolah / pelajar : Penyampaian Anugerah iQ-PSS 5 Bintang : Bergambar kenangan dengan pegawai Perasmi
1.30pagi	: Bersurai

**LAMPIRAN E**

**CONTOH LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM KEM MEMBACA 1 MALAYSIA 2014 (KM1M)**

NAMA SEKOLAH :

ALAMAT SEKOLAH :

BILANGAN MURID TERLIBAT :

BIL	TARIKH	AKTIVITI	CARA PELAKSANAAN	SASARAN
1	04.11.2014	<b>Pelancaran KM1M</b> (serentak seluruh negara).		
2	05.11.2014			
3	06.11.2014			
JUMLAH BESAR (BILANGAN ) MURID TERLIBAT :				

DISAHKAN OLEH:

COP SEKOLAH

.....

PENGETUA/ GURU BESAR

**GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI PELAKSANAAN PROGRAM KEM MEMBACA 1MALAYSIA**  
(READ 2014: One Nation Reading Together) DARI 04.11.2014 SEHINGGA 06.11.2014

Tarikh : Aktiviti :	Tarikh Aktiviti
Tarikh : Aktiviti :	Tarikh Aktiviti

Disediakan dan dilaporkan oleh :

.....  
GPM

